



PELAN STRATEGIK & **TINDAKAN** PEMBANGUNAN

INDUSTRI PEDAGING NEGARA 2021-2025







KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

PELAN STRATEGIK & **TINDAKAN** PEMBANGUNAN

INDUSTRI PEDAGING NEGARA

2021-2025



100%

PRAKATA



YB MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
PELAN STRATEGIK PEMBANGUNAN INDUSTRI PEDAGING NEGARA
(BIF PLAN 2021-2025)

Salam Sejahtera,

Pelan Strategik Pembangunan Industri Pedaging Negara (BIF PLAN 2021-2025) menumpukan pelbagai inisiatif dan insentif melalui strategi-strategi khusus bagi membangunkan industri ruminan Negara.

Pelan ini adalah manifestasi komitmen Kerajaan untuk membangunkan industri pedaging melalui pendekatan sistem penternakan yang efisien, peningkatan kapasiti pengeluaran, pengekalan kos pengeluaran yang optimum serta memperkukuh pengurusan di sepanjang rantai nilai.

Melalui pelan ini, saya yakin sasaran pengeluaran daging tempatan dapat ditingkatkan dengan penambahan pengeluaran sebanyak 111,000 tan metrik daging dapat dicapai dalam tempoh lima tahun Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) bagi mencapai sasaran 50% tahap sara diri (SSL) bagi pengeluaran daging.

Penubuhan Lembaga Ruminan Negara secara berfasa bermula pada tahun 2022 selari dengan hala tuju MAFI dalam Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) diharap dapat meningkatkan kemampanan dan pertumbuhan industri ternakan serta tahap sekuriti makanan negara untuk hasil ruminan secara keseluruhannya. Kerjasama yang erat dan komitmen berterusan semua pihak bersama-sama dengan MAFI dan DVS serta pemain-pemain industri terutama para penternak sebagai pemegang taruh adalah amat penting bagi memastikan bekalan daging segar dapat menampung keperluan tempatan dalam apa jua keadaan.

Sekian.

YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee

Menteri Pertanian dan Industri Makanan

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

PRAKATA



KETUA PENGARAH JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR PELAN STRATEGIK PEMBANGUNAN INDUSTRI PEDAGING NEGARA (BIF PLAN) 2021-2025

Assalamua'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Sebagaimana sedia maklum, sub sektor pedaging masih jauh ketinggalan berbanding komoditi ternakan lain. Sebahagian besar keperluan daging negara masih bergantung kepada pengimportan dalam bentuk daging beku dan sejuk beku.

Sehubungan itu, usaha yang lebih bersepadu berasaskan pendekatan dan halatuju yang lebih konstruktif perlu dirancang untuk pelaksanaan bagi memperkemas dan memperkukuh industri pedaging negara ke arah meningkatkan pengeluaran daging, selaras dengan polisi jaminan sekuriti makanan negara.

Pelancaran buku Pelan Strategik Pembangunan Industri Pedaging Negara (BIF Plan) 2021-2025 yang disediakan ini merupakan manifestasi kepada inisiatif Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bagi merealisasikan matlamat yang tersebut.

Strategi-strategi yang dirancang di dalam Bif Plan 2021-2025 yang merangkumi dua belas (12) hala tuju strategik berupa komitmen yang perlu dilaksanakan bagi memperkasa industri pedaging negara supaya lebih berdaya maju, berdaya saing, menguntungkan serta berupaya menarik minat pemain industri (dalaman dan luaran) untuk melabur dalam industri ini.

Semoga Pelan Strategik Pembangunan Industri Pedaging Negara (BIF Plan) 2021-2025 dijadikan rujukan dan pedoman oleh semua pihak berkepentingan dalam usaha memartabatkan industri pedaging negara.

Sekian, Selamat Maju Jaya.

Dato' Dr. Norlizan Bin Mohd Noor

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia
(Julai 2021)

KATA ALUAN KETUA PENGARAH



Permintaan bagi daging ruminan meningkat setiap tahun daripada 146,373 tan metrik pada tahun 2006 kepada 208,618 tan metrik pada tahun 2018 bagi daging lembu/kerbau, dan daripada 17,800 tan metrik pada tahun 2006 kepada 40,500 tan metrik pada tahun 2018 bagi daging kambing/bebiri. Bagaimanapun, pengeluaran daging ruminan tempatan hanya mencapai 22.49% SSL bagi daging lembu/kerbau dan 10.95% SSL bagi daging kambing/bebiri pada tahun 2018.

Oleh itu, Pelan Strategik & Tindakan Pembangunan Industri Pedaging Negara telah dibangunkan dengan lebih komprehensif bagi memperkasa industri ruminan pedaging supaya hasrat Kementerian untuk mengurangkan kebergantungan kepada import dapat dicapai. Pelan ini merangkumi keperluan untuk meningkatkan populasi ternakan di dalam negara disamping memastikan faktor luar kawalan seperti guna tanah, sistem rantai nilai daging dan kawalan penyakit diurus dengan baik.

Komitmen dan kerjasama daripada semua pemegang taruh adalah amat diperlukan bagi menjayakan pelaksanaan pelan ini sama ada daripada pihak kerajaan diperingkat persekutuan atau negeri, atau pihak penternak dan pelabur swasta.

Diharapkan pelan ini menjadi panduan dan rujukan bagi mencapai peningkatan pengeluaran daging ruminan tempatan.

Dato' Dr. Quaza Nizamuddin Bin Hasan Nizam

Mantan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia
(Mac 2020)

KANDUNGAN

PRAKATA	i
KATA ALUAN KETUA PENGARAH	iii
RINGKASAN EKSEKUTIF	v
LATARBELAKANG	1
Industri Pedaging di Malaysia	1
Dasar Pengeluaran Daging	1
Senario Serantau	3
Keperluan Daging Negara	4
STATUS SEMASA INDUSTRI PEDAGING	4
Senario semasa	4
Sistem pengeluaran dan baka pedaging	5
Khidmat Sokongan Teknikal	6
Program pembangunan yang telah dilaksana	7
Rantaian Nilai Daging	8
ISU DAN CABARAN	8
MATLAMAT PELAN STRATEGIK	11
RASIONAL PELAN STRATEGIK	11
VISI DAN MISI	11
OBJEKTIF	12
HALATUJU STRATEGIK	12
PELAN PEDAGING/BIF PLAN	19
PELAN TINDAKAN	19
CABARAN DAN RISIKO PELAKSANAAN PELAN	29
OUTPUT DAN OUTCOME YANG DIJANGKA	31
IMPAK YANG DIJANGKA	31
RUJUKAN	32
ABBREVIATIONS	33

RINGKASAN EKSEKUTIF

Penternakan pedaging berasaskan ternakan ruminan mula dibangunkan di bawah Dasar Ekonomi Baru (1970 – 1990). Seterusnya ia diteruskan di dalam Dasar Pertanian Negara Ke-3 (DPN3) (2000 – 2010), dan Dasar Agromakanan Negara (DAN) (2011 – 2020).

Bagaimanapun, keupayaan untuk pengeluaran daging ruminan tempatan hanya mencapai 22.49% Kadar Sara Diri (Self-sufficiency Level –SSL) bagi daging lembu/kerbau dan 10.95% SSL daging kambing/bebiri pada tahun 2018 dengan penyertaan seramai 50,941 penternak ruminan besar dan 27,416 penternak ruminan kecil.

Pelbagai program telah dilaksanakan meliputi penubuhan Majuternak, program pembangunan Skim Transformasi Usahawan Sektor Ternakan (TRUST), Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBM), Entry Point Project (EPP)#5 penternakan lembu dibawah perladangan kelapa sawit dan Ladang Satelit Nasional (LSN). Hanya LSN masih diteruskan di bawah RMKe12.

Pembangunan industri penternakan ruminan menghadapi beberapa cabaran dan isu melibatkan peringkat antarabangsa dan situasi tempatan. Di antara isu antarabangsa yang perlu ditangani adalah perubahan senario politik negara pengeluar seperti Australia yang mempengaruhi keupayaan mendapat bekalan ternakan, persaingan dengan negara pengimport yang lain seperti China bagi mendapatkan bekalan ternakan atau kebergantungan import daging daripada India. Manakala isu dalaman negara meliputi jumlah populasi asas ternakan yang masih rendah, kos pengeluaran yang meningkat, persaingan dengan daging sejuk beku import dalam pasaran, peruntukkan dan dana kewangan yang tidak mencukupi bagi program pembangunan, kekurangan kawasan penternakan yang sesuai dan sekiranya ada di perladangan sawit penggunaan kawasan tersebut bergantung kepada polisi syarikat perladangan, cabaran memperolehi tenaga mahir dan ancaman penyakit berjangkit ternakan.

Pelan Strategik ini telah mengenalpasti dua belas (12) hala tuju strategik yang perlu dilaksana bagi meningkatkan pengeluaran daging. Ianya adalah; i) memperkasa kapasiti industri, ii) mempergiat pembangunan ladang ternakan ruminan, iii) meningkatkan penghasilan makanan ternakan tempatan, iv) membina upaya serta kompetensi dan jati diri usahawan penternakan, v) meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan teknikal, vi) meningkatkan upaya modal permulaan, vii) penyelidikan dan pembangunan yang lebih berfokus dan berterusan, viii) pengukuhan program kawalan penyakit berjangkit, ix) mewujudkan kerjasama strategik dengan pihak luar dan dalam negara, x) mengoptimumkan penggunaan tanah, kerjasama dengan kerajaan negeri dikukuhkan bagi dasar penggunaan tanah untuk pengeluaran ternakan, xi) pengukuhan pemasaran daging, dan xi) memperkembangkan sistem rantai nilai daging.

Adalah dijangka dengan pelaksanaan Pelan Strategik ini, dapat menyumbang kepada peningkatan 50% SSL daging lembu/kerbau dan 30% daging kambing/bebiri dalam tempoh 5 tahun (2021-2025).

LATARBELAKANG

Industri Pedaging di Malaysia

1. Industri pedaging di Malaysia membekalkan salah satu sumber protin penting dalam bekalan makanan negara. Industri ini masih diusahakan secara berskala kecil tetapi berpotensi dimajukan selaras dengan peningkatan jumlah penduduk dan transformasi industri. Secara amnya, industri pedaging di Malaysia melibatkan dua (2) komoditi utama iaitu pengeluaran daging lembu/kerbau dan daging kambing/bebiri.
2. Penternakan pedaging berasaskan ternakan ruminan mula dibangunkan melalui penubuhan Majuternak pada tahun 1972 dibawah Dasar Ekonomi Baru (1970 – 1990). Ia melibatkan tiga program utama iaitu program pengeluaran primer, program industri daging, dan program pemasaran. Pelaksanaan program ini diteruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) selepas pembubaran Majuternak pada tahun 1982, kecuali program pemasaran.
3. Pada tahun 2019, terdapat 657,407 ekor lembu, 101,695 ekor kerbau, 312,571 ekor kambing dan 121,677 ekor bebiri dengan nilai di ladang sebanyak RM1,751.90 juta. Dalam tempoh yang sama, nilai import ternakan ruminan hidup adalah RM158.80 juta, dan daging RM2,67.87 juta, berbanding dengan nilai eksport sebanyak RM87.31 juta. Kekurangan bekalan ternakan ruminan hidup dan daging dalam negara memerlukan tindakan yang drastik dengan pendekatan yang menyeluruh bagi peningkatan pengeluaran ruminan ke tahap yang diperlukan.
4. Permintaan untuk makanan akan terus meningkat dengan pertambahan bilangan penduduk negara yang dianggarkan mencapai 32.6 juta pada tahun 2019. Pengeluaran makanan perlu digerakkan dengan lebih fokus bagi memenuhi keperluan makanan negara. Sektor pertanian telah berubah dan transformasi daripada sebuah sektor tradisional yang mempunyai produktiviti rendah kepada sektor yang lebih maju dan berdaya saing perlu diteruskan.

Dasar Pengeluaran Daging

5. Di dalam memastikan pengeluaran pedaging ditingkatkan, kerajaan telah melaksana beberapa dasar selepas kemerdekaan negara pada tahun 1957. Bagi memastikan sektor penternakan boleh menyumbang untuk pencapaian Dasar Ekonomi Baru (1970 – 1990), Majuternak telah ditubuhkan pada tahun 1972 dan diberi kuasa di dalam bidang pemasaran, penguatkuasaan dan pengeluaran ternakan dan hasil ternakan (4). Program dan projek yang dilaksanakan oleh Majuternak pada masa tersebut meliputi pembangunan ladang ternakan, rumah sembelih, dan projek perdagangan/trading daging, tenusu dan ayam, sehingga ia dibubar pada April 1982.
6. Dasar Pertanian Negara Ke-tiga (DPN3: 2000 – 2010) yang bermula pada tahun 2000 memberi perhatian ke arah meneruskan usaha mempercepatkan transformasi sektor pertanian kepada satu sektor yang moden, dinamik, berskala besar dan mampan dimana daya gerak pertumbuhan dan pembangunan adalah berpanduan kepada pasaran dan sumber manusia. Melalui DPN3, sektor pertanian dibentuk menjadi lebih dinamik dan cergas, terdiri daripada perniagaan tani dan perladangan serta pengusahaan yang cekap.

7. Antara matlamat DPN3 adalah untuk **meningkatkan pengeluaran daging lembu bagi memenuhi keperluan dalam negara**. Perhatian khusus diberi ke arah meneruskan usaha transformasi industri lembu/kerbau kepada satu industri yang lebih dinamik, berskala besar dan mapan. Selaras dengan itu, penternakan lembu secara integrasi di ladang tanaman kekal seperti ladang kelapa sawit dan getah diberikan keutamaan. Pembangunan dan pertumbuhan sektor pertanian ini adalah berasaskan kepada kadar inovasi yang pesat dalam pengeluaran dan pemprosesan, peningkatan produktiviti dan penyerapan teknologi yang lebih meluas.

8. Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011 - 2020 memberikan penekanan kepada usaha meningkatkan kecekapan industri agromakanan di sepanjang rantai nilai supaya industri pertanian dan agromakanan menjadi lebih produktif, berdaya saing dan berintensif pengetahuan. Pendekatan baru di bawah DAN adalah bermatlamat menyokong proses transformasi industri agromakanan terutama dalam aspek jaminan bekalan dan keselamatan makanan (*food security dan safety*) melalui usaha **meningkatkan pengeluaran hasil pertanian** di samping berusaha **meningkatkan pendapatan golongan petani, penternak dan nelayan**.

9. Melalui DAN, strategi yang telah dikenalpasti untuk mengembangkan industri ternakan adalah seperti yang berikut:-



10. Menurut DAN, permintaan untuk daging lembu/kerbau dijangka akan meningkat kepada 231,573 tan metrik menjelang tahun 2020 daripada 162,000 tan metrik pada tahun 2010. Peningkatan dalam permintaan bagi daging lembu/kerbau diunjurkan pada kadar pertumbuhan sebanyak 3.6% setahun. Pengeluaran dalam negara bagi daging lembu/kerbau pula diunjurkan meningkat daripada 46,500 tan metrik atau 28% SSL pada tahun 2010 kepada 75,760 tan metrik atau 32.7% SSL menjelang tahun 2020 dengan kadar pertumbuhan 5% setahun.

11. Permintaan untuk daging kambing/bebiri pula dijangka akan meningkat kepada 38,622 tan metrik menjelang tahun 2020 daripada 22,500 tan metrik pada tahun 2010 dengan kadar pertumbuhan 5.5% setahun. Pengeluaran dalam negara diunjurkan meningkat daripada 2,000 tan metrik atau 10.6% SSL pada tahun 2010 kepada 11,944 tan metrik atau 30.9% SSL menjelang tahun 2020 dengan kadar pertumbuhan 17.5% setahun.

12. DAN telah meletakkan fokus kepada menambah jumlah populasi ternakan lembu/kerbau dan kambing/bebiri bagi memenuhi keperluan bekalan daging negara. Dalam pada itu, DAN mensasarkan pengeluaran daging lembu/kerbau sebanyak 76,000 tan metrik, daging kambing/bebiri 11,000 tan metrik dan susu sebanyak 118 juta liter pada tahun 2020. Untuk mencapai pengeluaran tersebut, bilangan lembu/kerbau sebanyak 2,953,892 ekor dan kambing/bebiri sebanyak 2,097,882 ekor diperlukan pada tahun tersebut.

Senario Serantau

13. **Perubahan senario politik** di negara pengeluar utama lembu hidup dan daging lembu seperti India dan Australia **telah mempengaruhi polisi negara** tersebut dalam pengeksporan ternakan hidup untuk sembelihan dan juga pengeksporan daging. Keadaan ini boleh **menjejaskan kelestarian bekalan daging ke Malaysia**. Hal ini **disebabkan sumber utama bekalan daging import** Malaysia adalah dari India yang turut memiliki 64 pasaran alternatif diseluruh dunia.

14. **Perubahan dasar kepimpinan** di India dijangka **memberi kesan langsung** yang ketara kepada **capaian bekalan dalam pasaran semasa**. Australia pula **telah menguatkuasakan Export Supply Chain Assurance System (ESCAS)**. ESCAS merujuk kepada peraturan yang dilaksana melibatkan sistem pemantauan pengurusan ternakan dengan penekanan kepada **aspek kebajikan haiwan** daripada negara Australia hingga ke peringkat sembelihan di negara pengimport dan mula dilaksana pada tahun 2013 (3). Sistem ini **merupakan satu sistem kawalan** demi menjaga sumber bagi kepentingan negara tersebut.

15. Pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan termasuk negara-negara rantau Asia seperti China, Indonesia, Thailand dan Vietnam telah **meningkatkan permintaan terhadap bekalan daging ruminan**. Aktiviti pengimportan daging dan ternakan hidup oleh negara berkenaan telah **mengakibatkan peningkatan dalam permintaan bagi jumlah penawaran yang terhad** oleh negara pengeluar utama seperti Australia, New Zealand, Brazil, Pakistan dan India. Perkembangan ini telah **meningkatkan persaingan bagi mendapatkan bekalan dan cabaran untuk kelangsungan bekalan pada tawaran harga yang kompetitif**.

16. Selain itu, **perubahan aliran** bekalan daging dan ternakan hidup turut dipengaruhi oleh **perkembangan semasa** yang berlaku di negara-negara seperti China dan ASEAN. Contohnya, **permintaan terhadap daging** di China telah **melonjak secara drastik** kesan dari **peningkatan** taraf hidup penduduk negara tersebut. China menghadapi **penghijrahan desa ke bandar** yang pesat hingga **menjejaskan kapasiti pengeluaran pertaniannya**. China dilaporkan **memerlukan 6.5 juta matrik tan bekalan daging** dan pada masa kini **China mengimport 300,000 matrik tan** (5% dari pasaran antarabangsa) dan telah **memberi impak lonjakan terhadap permintaan** yang sangat besar. Perubahan dalam senario permintaan bagi bekalan ternakan ruminan hidup untuk sembelihan di peringkat antarabangsa ini telah meningkatkan persaingan dalam perolehan bekalan.

17. Dalam pada itu, Negara-negara ASEAN pula seperti **Indonesia, Vietnam dan Thailand** telah **meningkatkan kuota import** dari Australia bagi **memenuhi permintaan pasaran domestik** masing-masing. **Pengimportan lembu dalam kapasiti yang banyak** oleh Negara-negara ASEAN ini **daripada negara sumber yang sama** (Australia), pastinya **mendatangkan kesan ke atas persaingan tawaran harga** dan mempengaruhi aliran bekalan daging serta ternakan hidup ke dalam negara. Pengimportan lembu dari Thailand dan Myanmar untuk sembelihan dan fidlot juga mengalami penurunan ketara kesan dari peningkatan harga ternakan.

18. Kebergantungan negara kepada sumber daging dan ternakan import tidak menjamin kesinambungan bekalan untuk jangka panjang. Saingan sengit dari beberapa negara lain dalam memperoleh bekalan daging kesan dari ketersediaan yang terhad dari negara pengeluar. Kebergantungan ini perlu dikurangkan secara berperingkat demi menjamin bekalan daging yang berterusan serta mencukupi bagi jaminan bekalan dan kedaulatan makanan negara.

Keperluan Daging Negara

19. Industri pedaging tempatan menyumbang sebanyak 22.28% Kadar Sara Diri (*Self-sufficiency Level* – SSL) bagi daging lembu/kerbau dan sebanyak 11.84% SSL bagi daging kambing/bebiri pada tahun 2019, daripada jumlah ternakan lembu/kerbau sebanyak 759,102 ekor dan 434,248 ekor kambing/bebiri. Dalam tempoh tersebut, sebanyak 44,024.4 tan metrik daging lembu/kerbau, dan 4,200.6 tan metrik daging kambing/bebiri telah dikeluarkan.

STATUS SEMASA INDUSTRI PEDAGING

Senario semasa

20. Penggunaan, pengeluaran dan penggunaan per kapita daging lembu/kerbau dan daging kambing/bebiri di Malaysia pada tahun 2006 berbanding 2019 adalah seperti di Jadual 1.


21. Penggunaan daging lembu/kerbau di Malaysia telah meningkat daripada 146,373 tan metrik pada tahun 2006 kepada 197,555 tan metrik pada tahun 2019 (peningkatan 35%). Manakala bagi daging kambing/bebiri pula turut meningkat daripada 17,800 tan metrik pada tahun 2006 kepada 35,490 tan metrik pada tahun 2019 (peningkatan 99%). Bagaimanapun, pengeluaran tempatan kedua-dua komoditi itu tidak dapat memenuhi permintaan penggunaan walaupun pengeluaran tempatan telah meningkat 38% dalam tempoh tersebut untuk daging lembu/kerbau dan 163% bagi daging kambing/bebiri.

Jadual 1: Penggunaan, pengeluaran, penggunaan per kapita dan populasi lembu/kerbau dan kambing/bebiri. Nota: MT = Tan Metrik (Sumber: Perangkaan Ternakan 2019/2020 dan 2010/2011).

Parameter	Tahun 2006	Tahun 2019	Perbezaan
a) Penggunaan			
Daging lembu/ kerbau	146,373 MT	197,555.3 MT	51,182.3 MT (↑ 35%)
Daging kambing/ bebiri	17,800 MT	35,489.8 MT	22,700.1 MT (↑ 99%)
b) Pengeluaran			
Daging lembu/ kerbau	31,885 MT	44,024.4 MT	12,139.4 MT (↑38%)
Daging kambing/ bebiri	1,600 MT	4,200.6 MT	2,600.6 MT (↑163%)
c) Penggunaan per kapita			
Daging lembu/ kerbau	5.49 kg	6.1 kg	0.61 kg (↑)
Daging kambing/ bebiri	0.67 kg	1.1 kg	0.43 kg (↑)

22. Permintaan untuk makanan telah meningkat dengan pertambahan bilangan penduduk negara yang mencapai 32.6 juta pada tahun 2019 (3). Penggunaan per kapita hasil ternakan bagi daging lembu/kerbau telah meningkat daripada 5.49 kg pada tahun 2006 kepada 6.1 kg pada tahun 2019. Manakala bagi penggunaan per kapita daging kambing/bebiri turut meningkat daripada 0.67 kg kepada 1.1 kg dalam tempoh yang sama. Pengeluaran makanan tidak lagi mampu digerakkan mengikut kaedah lama bagi memenuhi keperluan makanan negara. Sektor pertanian telah berubah dan transformasi daripada sebuah sektor tradisional yang mempunyai produktiviti rendah kepada sektor yang lebih maju dan berdaya saing perlu diteruskan.

23. Seramai 50,941 penternak ruminan besar dan 27,416 penternak ruminan kecil terlibat di dalam industri ini, dan 92 - 93% daripadanya adalah penternak berskala kecil (Gambarajah 1). Kira-kira 36% pengeluaran daging ruminan tempatan adalah disumbang daripada pengeluaran penternak konvensional.



Sistem pengeluaran dan baka pedaging

24. Sistem pengeluaran pedaging yang dilaksana melibatkan tiga (3) sistem utama iaitu penternakan tradisional atau konvensional yang kebanyakan melibatkan penternakan secara lepas bebas (ekstensif) atau semi-intensif, integrasi dengan tanaman kekal seperti kelapa sawit dan getah, dan fidlot atau intensif. Penternakan lembu tenusu turut menyumbang kepada pengeluaran daging melalui anak jantan yang dijual sebagai lembu penggemuk. Pada masa kini, penternakan tradisional secara lepas bebas tidak digalakkan kerana ia boleh menyebabkan isu kacau ganggu terutama di tempat yang berhampiran dengan kawasan perumahan atau bandar.

25. Pada awal 1980'an, kerajaan telah mengalakkan penternakan integrasi terutamanya di bawah kelapa sawit bagi penggunaan optima kawasan pertanian untuk penternakan lembu. Kapasiti ternakan di bawah ladang kelapa sawit biasanya berdasarkan kadar kawasan 4 hektar untuk 1 ekor induk bagi umur pokok kelapa sawit antara 5 ke 15 tahun. Pengurusan ternakan adalah berdasarkan pusingan ragutan dimana penggunaan pagar elektrik mudah alih digunakan bagi kawalan kawasan ragutan (Gambar 1). Tidak semua penternak menggunakan pagar elektrik mudah alih terutama bagi kawasan dimana berlaku banyak kes kecurian ternakan. Hanya lebih kurang 12 - 15% sahaja kawasan perladangan kelapa sawit sekarang yang berjumlah 5.8 juta hektar digunakan untuk penternakan.

26. Sistem fidlot digunakan bagi tujuan pengemukkan terutama bagi ternakan jantan untuk sembelihan. Kerajaan pernah mewujudkan Pusat Fidlot Nasional (PFN) dimana syarikat peneraju dilantik bagi mengerakkan rantaian nilai daging termasuk mempunyai penternak kontrak di ladang-ladang satelit dan loji penyembelihan serta pemprosesan. Bagaimanapun, ia telah dihentikan susulan isu pengurusan projek dibawah syarikat peneraju. Sehingga tahun 2020 terdapat 14 kawasan Ladang Satelit Nasional (LSN) (Gambar 2) dengan 68 kandang masih dilaksana oleh DVS. Disamping itu, sistem penternakan intensif atau separa intensif telah turut dilaksana oleh penternak yang terlibat di dalam pembiakan lembu, kambing atau bebiri eksotik terpilih untuk dikacukan dengan baka kacukan tempatan.



Gambar 1: Penternakan integrasi lembu kacukan Kedah-Kelantan (KK) dan Brahman mengguna kaedah kawalan pusingan ragutan dan pagar elektrik mudah alih.



Gambar 2: Penternakan lembu pedaging secara fidlot di LSN

27. Baka lembu pedaging yang banyak ditenak adalah baka kacukan Kedah-Kelantan (KK). Terdapat baka kacukan Brahman yang berasal daripada Australia yang turut ditenak. Berdasarkan polisi pembiakbakaan ternakan 2016, pembiakan silang dengan baka *Bos Taurus* atau *Bos indicus* masih diteruskan bagi menghasilkan anak kacukan terminal diperingkat komersial. Bagi kambing pedaging, baka seperti Boer, Jamnapari dan Red Kalahari diteruskan, disamping penambahbaikan konservasi kambing Katjang. Untuk bebiri, penambahbaikan genetik melalui baka bebiri Malin, Santa Ines, Doppler dan Damara diteruskan, manakala baka Barbados Black Belly diteruskan untuk ladang nukleus dibawah jabatan di Terengganu.

Khidmat Sokongan Teknikal


28. Kawasan Tumpuan Sasaran (KTS) telah diwujudkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar di mana sebanyak 29 buah pusat di bawah 8 zon seluruh Semenanjung Malaysia ditempatkan pegawai teknikal bagi melaksanakan perkhidmatan pengembangan veterinar bagi mengembangkan lagi penternakan ruminan secara integrasi. Sehingga 2019, sebanyak 129,484 ekor ruminan besar ditenak secara integrasi yang dipantau dan penternaknya dibimbing oleh pegawai teknikal di Kawasan Tumpuan Sasaran ini. Antara

perkhidmatan pengembangan yang dijalankan adalah termasuk program pengembangan veterinar yang dijalankan melalui lawatan berjadual dan terancang (LTJ), pemantauan program galakan penternakan integrasi seperti PROPER dan EPP#5, program kesihatan gerompok yang dijalankan dengan kerjasama DVS daerah, program pembiakan termasuk pemeriksaan kebuntingan, penilaian pejantan dan khidmat nasihat pemilihan induk dan baka yang turut dijalankan dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Sumber Teknologi Ternakan, khidmat nasihat daripada aspek pemakanan ternakan, pengurusan kesihatan ternakan, pengurusan ladang, pengurusan ekonomi ladang dan sebagainya bagi membimbing penternak ruminan secara berterusan dan mengadakan kursus dan latihan kepada penternak serta pegawai teknikal.


Program pembangunan yang telah dilaksana

29. Program pembangunan yang telah dilaksana dalam tempoh RMKe-10 dan RMKe-11 bagi meningkatkan pengeluaran ternakan meliputi Skim Transformasi Usahawan Sektor Ternakan (TRUST), *Entry Point Project* (EPP)#5, dan Ladang Satelit Nasional. Skim TRUST telah ditamatkan pada 2015 berdasarkan keputusan pengurusan atasan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Manakala EPP#5 yang melibatkan penternakan integrasi dibawah perladangan kelapa sawit telah tamat tempoh pelaksanaan pada tahun 2020. Program pembangunan ternakan yang pernah dan sedang dilaksana ditunjukkan seperti Gambarajah 2.

30. Berdasarkan tren populasi ternakan, didapati pelaksanaan program pembangunan Skim TRUST dan Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBM) dapat meningkatkan pertumbuhan populasi ternakan ruminan pedaging seperti ditunjuk Gambarajah 3.



Gambarajah 2: Program pembangunan ternakan ruminan (pedaging) yang dilaksana dari tahun 2005 – 2017.



Gambarajah 3: Kesan program pembangunan ruminan pedaging bagi meningkatkan populasi ternakan.

Rantaian Nilai Daging

31. Keperluan daging di negara diperolehi melalui dua sumber utama iaitu penyembelihan ternakan hidup atau melalui pengimportan daging sejuk beku daripada negara luar seperti India, Australia dan New Zealand. Bagi penyembelihan ternakan hidup, terdapat dua sumber utama bekalan diperolehi iaitu ternakan tempatan dan ternakan import yang dipelihara untuk suatu tempoh masa yang singkat sebelum disembelih. Secara tradisi, ternakan pedaging diimport daripada Australia atau Thailand. Berdasarkan statistik DVS, lembu dan kambing/bebiri import yang dibawa adalah antara 2,000 ke 3,500 ekor setiap bulan, kecuali 2 hingga 3 bulan sebelum sesuatu perayaan besar seperti hari raya aidilfitri atau hari raya korban dimana jumlah ternakan hidup yang diimport boleh mencecah 2 kali ganda daripada kebiasaan.

32. Kebanyakan lembu tempatan disembelih untuk tujuan adat seperti pada hari raya korban, dimana harga jualan boleh melebihi RM16 per kg berat hidup. Bagi jualan daging tempatan, harga dipasaran adalah antara RM34 – 38 per kg. Berdasarkan perbandingan harga pada tahun 2016, harga daging tempatan secara purata adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan negara Thailand, Indonesia atau Vietnam.

ISU DAN CABARAN

33. Secara amnya, pembangunan industri penternakan khususnya ruminan **menghadapi beberapa cabaran** terutamanya dalam **era liberalisasi perdagangan** yang sedang berlaku. Terdapat **beberapa isu dan cabaran yang dihadapi** dan perlu diberi perhatian oleh Kerajaan dalam **melaksanakan dan mempergiatkan usaha menternak** ternakan ruminan seperti berikut: -

- i **Populasi asas ternakan yang masih rendah dan tidak mencukupi** bagi menampung keperluan disebabkan **kadar ekstraksi (extraction rate)** yang tinggi yang tidak selari dengan pertambahan populasi penduduk bagi tujuan meningkatkan permintaan daging tahun ke tahun. Kadar ekstraksi adalah **penyembelihan induk produktif** yang memberi kesan memperlahankan kadar perkembangan populasi



- ii **Kos melaksanakan perniagaan bidanusaha ternakan yang meningkat;**

- a) Kos bagi perolehan ternakan yang meningkat telah mengakibatkan kurangnya bilangan import ternakan terutamanya untuk tujuan pembakaan. Senario ini telah menjejaskan usaha meningkatkan bilangan baka yang produktif dan berkualiti yang mengakibatkan momentum pertumbuhan populasi ternakan yang rendah.
- b) Kos operasi yang juga meningkat kesan dari peningkatan kos buruh, makanan ternakan dan lain-lain kos operasi secara keseluruhan.



- iii **Peruntukan kewangan yang diperuntukkan bagi program pembangunan industri ternakan ruminan tidak mencukupi.** Kos bagi perolehan ternakan untuk tujuan pembakaan yang tinggi menyebabkan bilangan pengimportan ternakan baka berkualiti tidak dapat dilaksanakan mengikut perancangan jabatan teknikal.



- iv **Dana kewangan yang disediakan oleh institusi-institusi kewangan masih kurang dan tidak mencukupi** serta dengan kadar kelulusan yang rendah untuk membolehkan penternak-penternak mendapatkan pembiayaan bagi menampung kos operasi penternakan terutamanya kos mengaplikasi teknologi moden dan serta amalan mekanisasi peladangan yang tinggi.



- v **Kawasan yang dikhususkan bagi menjalankan aktiviti penternakan ruminan** dan juga kawasan untuk **pembangunan makanan ternakan** adalah sangat terhad. Aktiviti penternakan banyak dijalankan di kawasan seperti di kebun kecil kelapa sawit dan getah, rizab sungai dan rizab Kerajaan. Walau bagaimanapun, banyak kawasan perladangan yang luas yang dimiliki oleh GLC serta perladangan swasta tidak dimanfaatkan untuk tujuan penternakan kerana pengurusan peladangan yang tidak menunjukkan minat dalam bidang penternakan serta polisi syarikat peladangan yang tidak membenarkan kawasan ladang mereka dijadikan sebagai kawasan penternakan ruminan.



- vi **Kekurangan sumber makanan ternakan** tempatan yang berkualiti dengan harga yang kompetitif. Kos makanan ternakan berkualiti seperti soya dan jagung adalah tinggi dan kebanyakannya diimport. Walaupun negara ini merupakan pengeluar utama PKE/PKC yang boleh digunakan sebagai makanan ruminan, tetapi ianya dieksport ke negara luar kerana mendapat tawaran harga yang lebih tinggi. Penternak tempatan memerlukan PKE/PKC untuk dijadikan makanan ternakan perlu membayar pada harga eksport. Ini menyebabkan kos pengeluaran meningkat



- vii **Cabaran** memperoleh tenaga kerja yang mahir dan berkompentensi. Industri ruminan diceburi oleh 68% penternak berskala kecil daripada keseluruhan 61,000 penternak ruminan seluruh negara dan penglibatan sedia ada adalah dari golongan yang telah berusia dengan hanya segelintir golongan belia yang berminat sebagai pelapis untuk melibatkan diri dalam perusahaan penternakan



- viii **Ancaman penyakit** kepada ternakan seperti *Foot and Mouth Disease (FMD)* dan *brusellosis* yang berpunca dari amalan penternakan yang kurang baik. Hal ini turut menjejaskan produktiviti dan hasil keuntungan daripada aktiviti penternakan ini.



- ix **Cabaran persaingan daging segar dengan daging kerbau sejuk beku import** dari segi harga di mana berlaku percampuran daging kerbau dan daging lembu dan juga mengambil kesempatan menjual daging kerbau sejuk beku import sebagai daging segar untuk mendapat keuntungan besar. Kelompangan ini menyebabkan pengusaha daging segar kurang mendapat keuntungan yang setimpal dan kemerosotan permintaan.



MATLAMAT PELAN STRATEGIK

34. Pelan Strategik ini dibangunkan untuk memperkasa industri ruminan pedaging supaya lebih berdaya saing, menguntungkan serta berupaya menarik minat pelabur untuk melabur di dalam industri ini. Ia bagi meningkatkan pengeluaran daging lembu/kerbau ke tahap Kadar Sara Diri atau SSL 50% iaitu sebanyak 111,000 tan metrik, dan SSL daging kambing/bebiri 30% iaitu 14,200 tan metrik.

RASIONAL PELAN STRATEGIK

35. Pemerkasaan industri ruminan pedaging adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk:-



Mengurangkan kebergantungan kepada import haiwan hidup daripada Australia dan Thailand bagi kegunaan sembelihan adat bagi memakmurkan rakyat.




Meningkatkan pendapatan golongan penternak supaya dapat melepasi tahap kemiskinan dan menjadi pengusaha agromakanan yang berjaya.



Mengurangkan kebergantungan kepada import daging kerbau daripada India dan daging kambing/bebiri daripada New Zealand/Australia bagi mengimbangi Imbangan Dagangan (*Balance of Trade*) dan menjamin kedaulatan makanan (*food security*) negara.

VISI DAN MISI

36.



VISI

Menjadikan industri pedaging berdaya saing dan mampan dalam menyediakan bekalan daging yang mencukupi dan selamat menjelang 2025.

37.

MISI



Kerajaan memberi tumpuan bagi pembangunan jangka panjang melalui pengendalian kos pengeluaran yang optimum, memperkukuhkan rantaian pengeluaran & pasaran.

38.



OBJEKTIF

Objektif Kerangka Pelan Strategik ini adalah untuk meningkatkan pengeluaran daging lembu/kerbau ke tahap Kadar Sara Diri atau SSL sebanyak 50% iaitu 111,000 tan metrik daging lembu/kerbau, dan SSL 30% daging kambing/bebiri iaitu 14,200 tan metrik dalam tempoh 5 tahun (2021-2025).

HALATUJU STRATEGIK

39. Bagi menangani isu dan cabaran yang dihadapi dalam pembangunan industri ternakan ruminan ini, beberapa pendekatan perlu dirangka untuk **dilaksanakan oleh agensi kerajaan, pihak swasta mahupun dengan kerjasama dan penglibatan pihak swasta serta koperasi penternak.**

40. Beberapa halatuju **strategik yang dikenalpasti** adalah seperti berikut:-

1. Memperkasa kapasiti industri ruminan Negara

i. Meningkatkan populasi asas stok pembiak berkualiti

- a. Dalam usaha meningkatkan pengeluaran daging dalam negara, **penambahan populasi stok induk berkualiti** adalah perlu. Hal ini dapat dilaksanakan melalui perkhidmatan pembiakbakaan yang lebih berkesan termasuk penggunaan bioteknologi pembiakan;
- b. **Menggiatkan penglibatan aktif pihak swasta** sebagai penyedia perkhidmatan pembiakbakaan; dan
- c. Pengawalan penyembelihan lembu betina produktif sebagai langkah memastikan induk ruminan yang berada pada umur produktif dan selepas menjalani pemeriksaan menunjukkan tiada masalah kesihatan dan produktif, lembu tersebut tidak dibenarkan untuk disembelih.

- d. **Mengimport baka dari pelbagai sumber** yang dikenalpasti bebas dari penyakit serta memiliki ciri pembakaan yang sesuai dan mampu menunjukkan prestasi baka yang optimum di persekitaran tropikal.

•



Pejantan dan induk yang diimport perlu sesuai dengan persekitaran Malaysia supaya berprestasi mapan dan ekonomik.

•



OIE Terrestrial Animal Health Code perlu dijadikan panduan bagi menentukan baka-baka tertentu diimport dengan risiko penyakit paling minimum.

- ii. Selain dari itu, peningkatan pengeluaran baka berkualiti juga dilakukan melalui penstrukturan semula ladang-ladang DVS terutamanya dalam program pembiakbakaan dengan memberi fokus peranannya sebagai Ladang Nukleus.
- iii. Penghasilan baka lembu dan kambing tempatan yang berkualiti dengan program konservasi serta pemilihan ternakan melalui penyelidikan secara usaha sama awam-swasta.

2. Mempertingkatkan pembangunan ladang ternakan ruminan;

- i. **Ladang-ladang multiplikasi (pengganda) perlu dibangunkan** oleh sektor swasta atau agensi perladangan sawit seperti FELDA, RISDA, SALCRA, SPAD dan FELCRA. Pihak-pihak ini boleh mendapatkan perkhidmatan sokongan secara **perkongsian bijak dengan DVS atau pihak swasta**. Dengan keadaan kos pembangunan ladang yang tinggi. Justeru itu, adalah dicadangkan;

a.



Tenaga pakar disediakan melalui pewujudan *Subject Matter Specialist* (SMS) oleh DVS yang bertindak sebagai juruperunding bagi memudahcara pembangunan.

b.



Kerajaan juga komited dalam mewujudkan galakan dalam bentuk pemberian insentif seperti pelepasan cukai, pinjaman mudah kepada pelabur dan galakan terhadap reverse investment untuk pengeluaran ternakan serta makanan ternakan ruminan.

- ii. Memperkenalkan Insentif Galakan Untuk Usaha Penternakan Secara Integrasi. Kaedah pemberian insentif kepada syarikat swasta dan GLC yang terlibat dengan penternakan secara integrasi dan komersil melalui pelepasan cukai perniagaan. Selain itu, sumbangan kerajaan dalam bentuk ternakan lembu sebagai insentif tambahan perlu diteruskan.
- iii. Ladang-ladang tradisional yang dikenalpasti berpotensi perlu ditransformasikan bagi menambah upaya pengeluaran melalui pengamalan penggunaan bioteknologi dan penyaluran kredit mudah yang dijangka dapat menjayakan proses transformasi.
- iv. Menarik minat rakyat terutamanya golongan Agropreneur Muda terhadap aktiviti penternakan ruminan melalui pengwujudkan skim penternakan ruminan berskala kecil (Geran Mikro Ruminan). Pengusaha baru yang berminat serta dikenalpasti berpotensi serta mempunyai sumber makanan ternakan dari sisa pertanian yang banyak dan berkualiti.
- v. Memperkenalkan skim Rezeki Ternak yang akan mengagihkan kepada penternak kecil atau B40 yang berpotensi untuk menambah induk samada lembu pedaging (sehingga 5 ekor atau maksima RM20,000.00/ penternak) atau kambing/bebiri (sehingga 10 ekor atau maksima RM20,000.00/ penternak). Bantuan adalah berbentuk geran padanan 90:10 dimana 90% kos perolehan ternakan ditanggung oleh kerajaan dan baki 10% ditanggung oleh penternak yang dilantik.
- vi. Meningkatkan penglibatan penternak tenusu dalam penghasilan daging melalui konsep penternakan 'beef in dairy line'. Penternak tenusu boleh menggunakan induk pembiak yang kurang pengeluaran susu atau mempunyai nilai genetik tenusu yang rendah bagi menghasilkan anak pedaging melalui program peranakan beradas.

3. Meningkatkan penghasilan makanan ternakan ruminan dalam negara melalui usaha seperti;



Menyediakan insentif untuk menggalakkan penternak dan pihak swasta mengeluarkan foder dan silaj serta penggunaan bahan sampingan tempatan untuk rumusan makanan ternakan ruminan.



Mewujudkan intervensi kerajaan dalam penstabilan harga PKC/ PKE.

4. Membina upaya serta kompetensi dan jati diri usahawan penternakan;



Pembangunan tenaga kerja yang profesional serta kepakaran dalam penternakan moden, DVS akan komited dalam pembangunan kakitangan yang menjurus kepada keperluan industri.



Penternak tradisional yang dikenalpasti berpotensi dibimbing untuk proses transformasi melalui Program Pengembangan Veterinar (PPV).

5. Meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan serta capaian kepada perkhidmatan teknikal veterinar, melalui;



Penubuhan **Veterinary Extension Center** (VETEC) di beberapa lokasi strategik bertujuan memberi fokus kepada memberi perkhidmatan teknikal seperti;

- Pengembangan dan perundingan.
- Ambulatori dan kawalan penyakit.




Menambahbaik serta menaiktaraf skim bantuan ternakan dengan pewujudan permohonan bantuan / insentif menggunakan aplikasi secara online yang lebih telus serta mesra rakyat.



Sistem pengkalan data ternakan diperkukuhkan.

6. Meningkatkan upaya modal permulaan penternakan ruminan.




Memperkukuhkan mekanisme dana pembiayaan melalui penubuhan **Dana Penternakan Ruminan** bertujuan bagi mewujudkan dana khas untuk pelaburan dalam penternakan ruminan.



Penyediaan **kawasan penternakan ruminan** (Ladang Satelit, TKPR dan TKPM) untuk disewa dengan kadar berpatutan. Ianya merupakan program translokasi usahawan ruminan berdaya maju serta berpotensi yang menghadapi kekangan kawasan menternak.

7. Penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang lebih berfokus dan berterusan



Pembiakan dan pembiakbakaan - Kerjasama kerajaan dan swasta bagi penyelidikan dalam bidang pembiakbakaan, pemilihan dan penilaian baka ternakan pedaging perlu dilaksanakan untuk menghasilkan baka-baka yang berkualiti serta sesuai dalam sistem pengeluaran di negara ini. Sumber genetik dari luar negara perlu diuji kesesuaiannya dari aspek ketahanan dan kemampuan menunjukkan prestasi optimum di persekitaran tropika.



Pemakanan Ternakan - R & D dijalankan untuk mengoptimumkan penggunaan sumber tempatan sebagai bahan asas makanan ternakan. R & D akan dilaksanakan untuk mengenalpasti dan menambahbaik mutu sumber bahan asas makanan tempatan. Inisiatif juga perlu ditingkatkan bagi mewujudkan rumusan makanan berasas sumber tempatan yang mampu merendahkan kos pengeluaran.



Sistem Pengeluaran - Pelbagai sistem pengeluaran ternakan dikaji, fokus kepada kecekapan kos, kualiti dan pengeluaran yang mapan, serta penambahbaikan kepada sistem pengeluaran sediaada, fidlot dan integrasi yang dilaksanakan. Faktor pembolehubah seperti baka, pemakanan, struktur kandang, program pembiakan dan pembiakbakaan, kaedah kawalan penyakit ternakan, amalan mekanisasi dan sebagainya perlu diberi perhatian.



Automasi dan mekanisasi - penggunaan automasi dan mekanisasi dikaji bagi peningkatan kecekapan pengeluaran dan pengurangan ketergantungan kepada buruh asing.



Mewujudkan Jawatankuasa Kerja Penyelidikan bagi mencari, mencadang, dan mengesyorkan penyelesaian isu bagi mencapai objektif Pelan Strategik.

8. Memperkukuh program kawalan penyakit

Dalam membangunkan industri pedaging, status kawalan penyakit dalam negara perlu dipertingkatkan demi untuk membolehkan perdagangan di dalam dan luar negara. Penyakit yang menjadi keutamaan adalah penyakit berkepentingan ekonomi serta bersifat zoonosis seperti penyakit kuku dan mulut (FMD), Tuberkulosis serta penyakit Brusellosis perlu dibasmi secara *compartment* dan *progressive zoning*.

9. Mewujudkan Kerjasama Strategik Dengan Pihak Luar dan Dalam Negara demi kelestarian sumber bekalan serta manambah upaya kepakaran. Kerjasama dua hala dengan mana-mana negara yang berkepentingan perlu dimanfaatkan sepenuhnya. Ianya membuka lebih luas peluang usahasama atau gunasama bagi meningkatkan kepakaran khususnya dalam bidang pemakanan, teknologi pembiakbakaan serta sistem penternakan dalam situasi menang-menang (*win-win situation*). Segala sumber dan rantaian bekalan diterokai dengan jalinan perdagangan antara kedua-dua negara terus diperkukuh bagi memastikan bekalan yang konsisten pada harga yang lebih kompetitif.

10. Mengoptimumkan Penggunaan Tanah



Mewajibkan semua perladangan menjalankan program integrasi ternakan. Satu arahan dasar/polisi hendaklah dikeluarkan oleh Kerajaan untuk mewajibkan pelaksanaan program integrasi ternakan di semua perladangan swasta dan GLC dijalankan. Syarat skala yang perlu diusahakan adalah sekurang-kurangnya 25% dari keupayaan tampungan ternakan kawasan perladangan tersebut. Sekiranya sektor perladangan tidak berminat melabur dalam bidang ternakan, peluang perlu diberikan kepada syarikat, koperasi badan atau pengusaha lain di atas kawasan mereka.



Mewujudkan kerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi Dasar Penggunaan Tanah Untuk Pengeluaran Ternakan. Kerajaan Negeri diminta untuk merezabkan tanah khusus untuk penternakan melalui pembentukan dasar pengeluaran ternakan ruminan yang jelas (seperti Taman Kekal Pengeluaran Ruminan). Sistem permohonan tanah untuk tujuan penternakan perlu ditambahbaik bagi mempercepatkan kelulusan permohonan, menjadi lebih telus, efektif serta efisien.



Memperkenalkan Program Peningkatan Ruminan yang menawarkan insentif perolehan baka dan induk berkualiti kepada syarikat perladangan sawit yang menjalankan penternakan integrasi secara komersil dengan konsep geran padanan dan kaedah perolehan secara *reimbursement*.

11. Pengukuhan pemasaran daging

i)



Memperkukuh konsep pusat pemasaran daging segar menggunakan kawasan berhampiran dengan rumah sembelih sedia ada sebagai pusat sehenti. Kerjasama bersama agensi pemasaran di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan perlu diperluaskan bagi pemasaran daging segar. Ia termasuk pemerkasaan penglibatan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Pasar Komuniti di bawah FAMA.

ii)



Memperkukuhkan model pusat lelongan ternakan sebagai pusat jualan ternakan hidup ruminan yang lebih praktikal dan berdaya saing.

iii)



Pengukuhan pasaran daging bernilai tinggi seperti daging lembu sado dan sebagainya sebagai daging premium. Elemen seperti branding, promosi dan mewujudkan kesedaran bagi penggunaan daging premium juga penting dalam pengukuhan strategi pemasaran produk premium.

iv)



Meningkatkan pengeluaran produk hiliran berasaskan daging tempatan bagi mengalakkan pengusaha mengguna daging tempatan dan mengurangkan isu pasaran daging bermusim.

12. Memperkemas dan mengukuhkan sistem rantai nilai daging

i)



Pengukuhan kawalselia sembelihan dan pelabelan daging. Peraturan dan penguatkuasaan bagi memastikan daging segar dan daging sejukbeku import dapat dibeza diperkukuhkan. Sistem pelabelan daging daripada rumah sembelih sehingga kepada pengguna di tambahbaik, sementara penjualan daging sejukbeku import berlaku tanpa mengelirukan pengguna. Kerjasama antara agensi penguatkuasaan perlu diperkukuhkan.

ii)



Pengukuhan pengangkutan ternakan. Pada masa kini amat penting pengangkutan ternakan dilaksana berpanduan kepada aspek kebajikan haiwan.

PELAN PEDAGING / BIF PLAN

41. Bagi merealisasikan hala tuju strategik, Pelan Pedaging/Bif Plan dirancang untuk meningkatkan pengeluaran daging ruminan besar mengambilkira keadaan semasa sistem penternakan yang sedia ada. Sistem penternakan integrasi merupakan sistem pengeluaran pedaging yang kedua paling berkesan/*efficient* di dunia (6). Oleh itu, perancangan pengeluaran membabitkan penyertaan syarikat perladangan kelapa sawit yang lebih tinggi atau guna tanah perladangan sawit yang lebih tinggi perlu bagi memastikan pendapatan bersesuaian dengan permintaan pengguna.

PELAN TINDAKAN

STRATEGI 1:

MEMPERKASA KAPASITI INDUSTRI RUMINAN NEGARA

Objektif Strategi 1: Meningkatkan populasi ternakan ruminan serta penghasilan baka tempatan yang bersesuaian untuk dibiak di dalam negara.

AKTIVITI 1: MENINGKATKAN POPULASI ASAS STOK PEMBIAK BERKUALITI

Sub-aktiviti 1:	Sub-aktiviti 2:	Sub-aktiviti 3:	Sub-aktiviti 4:
Peningkatan keberkesanan perkhidmatan pembiakbakaan termasuk melalui penggunaan kaedah berteknologi tinggi.	Menggalakkan perkhidmatan pembiakbakaan oleh pihak swasta.	Pengawalan penyembelihan lembu betina produktif sebagai langkah memastikan induk ruminan yang berada pada umur produktif dan selepas menjalani pemeriksaan menunjukkan tiada masalah kesihatan dan produktif lembu tersebut tidak dibenarkan untuk disembelih.	Pengimportan baka dari pelbagai sumber yang dikenalpasti bebas penyakit serta memiliki ciri pembakaan yang sesuai untuk ditanam di persekitaran tropika.

Tindakan : MAFI, DVS, MARDI, IPT & SWASTA

AKTIVITI 2: PENSTRUKTURAN SEMULA LADANG JABATAN SEBAGAI LADANG NUKLEUS

Sub-aktiviti 1:	Sub-aktiviti 2:
Penyediaan dasar dan program fokus ladang jabatan sebagai ladang nukleus	Peningkatan penghasilan baka kepada ladang pengganda

Tindakan : MAFI, DVS, MARDI, IPT & SWASTA

STRATEGI 2: MEMPERGIAT PEMBANGUNAN LADANG TERNAKAN RUMINAN (PEDAGING)

Objektif 2 : Meningkatkan penglibatan syarikat perladangan sawit, penternak tradisional dan golongan muda secara mampan dan berdaya saing di dalam pengeluaran hasil ladang.

AKTIVITI 1: MENINGKATKAN PEMBANGUNAN LADANG MULTIPLIKASI (PENGGANDA)		
Sub-aktiviti 1:	Sub-aktiviti 2:	Sub-aktiviti 3:
Meningkatkan penglibatan syarikat swasta dan syarikat peladangan sawit sebagai ladang pengganda	Mewujudkan <i>subject matter specialist (SMS)</i> yang bertindak sebagai perunding bagi memudahkan pembangunan	Mewujudkan <i>database</i> rangkaian pengeluaran dan pasaran antara ladang nukleus, ladang pengganda dan ladang komersial
Tindakan: MAFI, DVS, MARDI, MPOB, IPT		

AKTIVITI 2: MEMPERKENALKAN INSENTIF GALAKAN UNTUK PENTERNAKAN SECARA INTEGRASI		
Sub-aktiviti 1:	Sub-aktiviti 2:	Sub-aktiviti 3:
Mewujudkan insentif integrasi untuk menggalakkan penglibatan syarikat perladangan kelapa sawit dalam penternakan ruminan	Mewujudkan insentif integrasi untuk menggalakkan syarikat peladangan kelapa sawit menyediakan kawasan untuk kegunaan penternak integrasi	Penyediaan insentif galakan penglibatan generasi kedua Felda atau pekebun kecil dalam penternakan integrasi
Tindakan : MAFI, DVS, AGROBANK, MPOB, MOF		

AKTIVITI 3 : TRANSFORMASI LADANG TRADISIONAL	
Sub-aktiviti 1:	Sub-aktiviti 2:
Penyediaan pakej bantuan/penyaluran kredit mudah untuk transformasi ladang tradisional berpotensi kepada ladang semi-komersial/komersial	Meningkatkan pengamalan dan penggunaan kaedah bioteknologi yang sesuai di dalam pengurusan ladang
Tindakan: MAFI, DVS, MARDI	

AKTIVITI 4: MENINGKATKAN PENGLIBATAN GOLONGAN MUDA DALAM INDUSTRI TERNAKAN

Sub-aktiviti 1:	Sub-aktiviti 2:
Meningkatkan program promosi bidang penternakan kepada pengusaha muda baru yang berpotensi	Mewujudkan skim penternakan ruminan berskala kecil (Geran Mikro Ruminan)
Tindakan: MAFI, DVS	

STRATEGI 3:

MENINGKATKAN PENGHASILAN MAKANAN TERNAKAN

Objektif 3 : Untuk memastikan penghasilan makanan ternakan ruminan meningkat melalui pemberian insentif penghasilan makanan ternakan, penstabilan harga PKC/PKE, penggunaan teknologi baru dalam penghasilan makan ternakan dan menggalakkan penggunaan bahan sampingan tempatan

AKTIVITI 1 : PENYEDIAAN INSENTIF BAGI PENGHASILAN MAKANAN TERNAKAN

Sub-aktiviti 1:	Sub-aktiviti 2:
Galakkan pengeluaran makanan ternakan berasaskan foder dan silaj serta bahan sampingan	Penyediaan insentif infrastruktur dan peralatan kepada penternak dan pihak swasta untuk mengeluarkan makanan ternakan berasaskan foder, silaj serta bahan sampingan tempatan
Tindakan : MAFI, DVS & DOA	

AKTIVITI 2: MEWUJUDKAN PENSTABILAN HARGA PKC/PKE

Sub-aktiviti 1:
Memperkenalkan levi kepada pengeksport makanan ternakan PKC/PKE untuk membiayai harga belian PKC/PKE oleh penternak tempatan
Tindakan : MAFI, DVS & DOA

AKTIVITI 3: PENGGUNAAN TEKNOLOGI BARU UNTUK PENGHASILAN FODER

Sub-aktiviti 1:
Meningkatkan penggunaan teknologi baru untuk penghasilan foder bagi penternak yang tiada kawasan seperti foder aerofonik, fertigasi, aquafonik dan hydrofonik.
Tindakan : MAFI, DVS & DOA

AKTIVITI 4: MENGGALAKKAN PENGGUNAAN BAHAN SAMPINGAN TEMPATAN.		
Sub-aktiviti 1:	Sub-aktiviti 2:	Sub-aktiviti 3:
Kenalpasti kesediaan dan jenis bahan sampingan mengikut tempat	Menjalankan projek perintis menggunakan bahan sampingan yang telah dikenalpasti	Meningkatkan kesedaran tentang keberkesanan penggunaan bahan sampingan kepada penternak
Tindakan : MAFI, DVS & DOA		

STRATEGI 4:

MEMBINA UPAYA SERTA KOMPETENSI DAN JATI DIRI PENTERNAK

Objektif 4 : Untuk meningkatkan keupayaan serta kompetensi dan jati diri penternak melalui pembangunan tenaga pakar, bimbingan penternak berpotensi, menaiktaraf kemudahan dan infrastruktur institusi serta pusat latihan, pengiktirafan pusat latihan swasta.

AKTIVITI 1 : MEMBANGUNKAN TENAGA KERJA PAKAR DALAM PENTERNAKAN MODEN.	
Sub-aktiviti 1:	Sub-aktiviti 2:
Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran teknikal tenaga pengajar dan pegawai pengembangan (kakitangan, pihak swasta) mengikut perkembangan teknologi penternakan semasa melalui latihan intensif (<i>Train The Trainer</i>)	Meningkatkan Latihan Pembangunan Kemahiran Penternakan kepada golongan sasar secara berkala dan mengikut zon yang ditetapkan
Tindakan: MAFI & DVS	

AKTIVITI 2 : MEMBIMBING PENTERNAK BERPOTENSI MELALUI PROGRAM PENGEMBANGAN VETERINAR (PPV)	
Sub-aktiviti 1:	Sub-aktiviti 2:
Mewujudkan sesi perkongsian ilmu penternak bersama DVS seperti Sesi Meja Bulat, <i>Success Story</i> , Sidang Penternak	Memperluaskan liputan Program Pengembangan Veterinar (PPV) dan Lawatan Terancang dan Berjadual (LTJ)
Tindakan : MAFI, DVS & DOA	

AKTIVITI 3 : MENAIKTARAF KEMUDAHAN DAN INFRASTRUKTUR LATIHAN DI INSTITUT LATIHAN DVS

Sub-aktiviti 1:

Menaiktaraf Institut Latihan DVS (6 institut) – IPV, ITU, IVWT, IVM, IBVK, Infoternak, Sg. Siput (negeri)

Tindakan : MAFI, DVS

AKTIVITI 4 : PENGIKTIRAFAN PUSAT LATIHAN PENTERNAKAN SWASTA

Sub-aktiviti 1:

Menambah bilangan pusat latihan swasta yang diiktiraf oleh jabatan dalam bidang penternakan ruminan kepada golongan sasaran

Tindakan : MAFI, DVS & DOA

STRATEGI 5: MENINGKATKAN MUTU PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SERTA CAPAIAN KEPADA PERKHIDMATAN TEKNIKAL VETERINAR

Objektif 5: Untuk memastikan mutu penyampaian perkhidmatan serta capaian perkhidmatan teknikal veterinar meningkat melalui penubuhan VetEC, penambahbaikan skim bantuan ternakan dan pengukuhan sistem pengkalan data ternakan.

AKTIVITI 1: MENUBUHKAN *VETERINARY EXTENSION CENTRE* (VetEC)

Sub-aktiviti 1:

Mewujudkan 7 buah VetEC di lokasi yang strategik iaitu;

1. Kertih Terengganu
2. Kluang Johor
3. Muadzam, Pahang
4. Machang, Kelantan
5. Perak Tengah
6. Kuala Muda, Kedah
7. Jempol, Negeri Sembilan

Sub-aktiviti 2:

Memperkasakan perkhidmatan pengembangan dan perunding, perkhidmatan *ambulatory* dan kawalan penyakit serta perkhidmatan makmal bergerak

Sub-aktiviti 3:

Meningkatkan penyelarasan kerjasama di antara agensi berkaitan dalam bidang pemasaran dan promosi produk ternakan

Tindakan: MAFI, DVS, FAMA, LPP & MARDI

AKTIVITI 2 : MENAMBAHBAIK PENGURUSAN SKIM BANTUAN DAN MAKLUMAT TERNAKAN	
Sub-aktiviti 1:	Sub-aktiviti 2:
Meningkatkan pengurusan dan pemantauan skim bantuan/ insentif ternakan	Meningkatkan penyediaan maklumat dan teknologi ternakan terkini
Tindakan : MAFI, DVS, MARDI	

AKTIVITI 3: MEMPERKUKUHKAN SISTEM PENGKALAN DATA TERNAKAN DAN DAYAJEJAK	
Sub-aktiviti 1:	Sub-aktiviti 2:
Menambahbaik penyelarasan dan penyatuan sistem pengkalan data ternakan ruminan negara	Meningkatkan penyelarasan peraturan dayajejak
Tindakan : MAFI, DVS, MARDI, IPT	

STRATEGI 6:

MENINGKATKAN UPAYA MODAL PERMULAAN PENTERNAKAN RUMINAN

Objektif 6: Untuk meningkatkan keupayaan modal permulaan bagi penternakan ruminan melalui pengukuhan mekanisma dana pembiayaan dan penyediaan kawasan penternakan ruminan.

AKTIVITI 1: MEMPERKUKUHKAN MEKANISMA DANA PEMBIAYAAN	
Sub-aktiviti 1:	Sub-aktiviti 2:
Penubuhan Dana Penternakan Ruminan melalui Agrobank, TEKUN atau agensi berkaitan sebagai dana khas untuk pelaburan dalam penternakan ruminan	Penubuhan Dana Pembinaan Pusat Pemprosesan Makanan Ternakan berasaskan sisa pertanian berskala sederhana untuk koperasi, pertubuhan penternak atau pengusaha makanan mengikut zon
Tindakan: MAFI & DVS	

AKTIVITI 2: MENYEDIAKAN KAWASAN PENTERNAKAN RUMINAN	
Sub-aktiviti 1:	Sub-aktiviti 2:
Meningkatkan penyediaan kawasan penternakan ruminan seperti Ladang Satelit, TKPR atau TKPM dengan kadar sewa berpatutan	Menaiktaraf kemudahan kawasan ternakan bagi translokasi usahawan ruminan berdaya maju tetapi menghadapi kekangan kawasan ternakan.
Tindakan: MAFI & DVS	

STRATEGI 7: MENGUKUHKAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D)

Objektif 7: Untuk memastikan penternakan ruminan dapat dikukuhkan melalui peningkatan R&D dalam pembiakbakaan, pemakanan ternakan, kajian sistem pengeluaran dan kajian permintaan daging segar tempatan.

AKTIVITI 1 : MENINGKATKAN R&D DALAM PEMBIAKAN DAN PEMBIAKBAKAAN

Sub-aktiviti 1:

Menambahbaik kajian terhadap kualiti baka lembu supaya berketahanan tinggi terhadap penyakit dan iklim tempatan bagi menghasilkan produktiviti yang optimum serta mengurangkan *inbreeding*

Sub-aktiviti 2:

Memperkasakan kajian pembangunan baka kambing/bebiri tempatan yang boleh diterima oleh pasaran

Tindakan: MAFI, MARDI, IPT & DVS

AKTIVITI 2 : MENINGKATKAN R&D DALAM PEMAKANAN TERNAKAN

Sub-aktiviti 1:

Menguukuhkan kajian dengan memberi fokus kepada penggunaan bahan mentah tempatan, penggunaan tanah, ratio ternakan per ekar tanah

Sub-aktiviti 2:

Meningkatkan kajian bagi mewujudkan rumusan makanan berasaskan sumber tempatan yang mampu mengurangkan kos pengeluaran

Tindakan: MAFI, MARDI, IPT & DVS

AKTIVITI 3 : MENINGKATKAN R&D DALAM SISTEM PENGELUARAN

Sub-aktiviti 1:

Menjalankan kajian dengan fokus kepada kecekapan kos, kualiti dan pengeluaran yang mampan serta menambahbaik sistem pengeluaran sedia ada

Sub-aktiviti 2:

Menjalankan kajian berkaitan pewujudan kawasan penternakan ruminan moden yang mesra alam

Tindakan: MAFI, MARDI, IPT & DVS

AKTIVITI 4: MENINGKATKAN R&D DALAM PERMINTAAN DAGING SEGAR TEMPATAN

Sub-aktiviti 1:

Menjalankan kajian terhadap permintaan dan keperluan daging segar tempatan.

Tindakan: MAFI, MARDI, IPT & DVS

AKTIVITI 5: MEWUJUDKAN DANA PENYELIDIKAN RUMINAN
Sub-aktiviti 1:

Mewujudkan dana penyelidikan ruminan untuk menjalankan penyelidikan dan meningkatkan kepakaran kakitangan jabatan melalui program pemantapan kompetensi staf

Tindakan: MAFI, MARDI, IPT & DVS

STRATEGI 8:

MEMPERKUKUH PROGRAM KAWALAN PENYAKIT

Objektif 8: Untuk memastikan program kawalan penyakit diperkukuhkan di peringkat ladang dan negeri

AKTIVITI 1: PENINGKATAN AMALAN PENTERNAK YANG BAIK DI LADANG
Sub-aktiviti 1:

Meningkatkan kesedaran penternak keperluan penggunaan amalan penternak yang amalan

Sub-aktiviti 2:

Meningkatkan penggunaan amalan penternak yang baik (GAHP)

Sub-aktiviti 3:

Memantapkan program pembasmian penyakit melalui program 'compartmentalisation'

Tindakan: DVS & MAFI

AKTIVITI 2: MEMPERKUKUH PROGRAM KAWALAN DAN PEMBASMIAN PENYAKIT KEBANGSAAN
Sub-aktiviti 1:

Memperkasakan sistem dayajejak ternakan dan produk hasil ternakan

Sub-aktiviti 2:

Meningkatkan keupayaan diagnosis dan kawalan pencegahan

Sub-aktiviti 3:

Mewujudkan zon bebas penyakit berjangkit

Tindakan: DVS & MAFI

STRATEGI 9:

MENINGKATKAN KERJASAMA STRATEGIK DENGAN PIHAK DALAM DAN LUAR NEGARA

Objektif 9: Untuk peningkatan peluang usahasama dalam bidang ternakan ruminan melalui kerjasama strategik dengan pihak dalam dan luar Negara.

AKTIVITI 1: MENINGKATKAN KERJASAMA STRATEGIK DENGAN PIHAK TEMPATAN SEPERTI UNIVERSITI ATAU AGENSI BERKAITAN
Sub-aktiviti 1:

Pembentukan Jawatankuasa bersama agensi/ IPTA/ IPTS/ swasta bagi penetapan pelaksanaan program dan aktiviti dibawah kerjasama

Sub-aktiviti 2:

Pelaksanaan program kerjasama

Tindakan: MAFI, KPM, MOSTI, IPT & DVS

AKTIVITI 2: MEWUJUDKAN KERJASAMA STRATEGIK DENGAN PIHAK LUAR NEGARA

Sub-aktiviti 1:	Sub-aktiviti 2:
Mengenalpasti polisi negara luar yang melibatkan kerjasama dari segi pelaburan inovasi/ penyelidikan dll/	Menggunakan <i>Trade Agreement</i> antara negara luar atau pertubuhan antarabangsa bagi kerjasama peluasan kerjasama, pelaburan atau pasaran
Tindakan: MAFI, MITI & DVS	

STRATEGI 10: MENGOPTIMUMKAN PENGGUNAAN TANAH

Objektif 10 : Untuk memastikan penggunaan tanah dioptimumkan melalui perladangan secara integrasi, dasar penggunaan tanah untuk pengeluaran ternakan dan penyediaan kawasan ternakan ruminan.

AKTIVITI 1: MEMASTIKAN PENGGUNAAN TANAH PERLADANGAN SECARA OPTIMUM DENGAN MENJALANKAN PROGRAM INTEGRASI

Sub-aktiviti 1:	Sub-aktiviti 2:
Mewujudkan polisi bagi pihak perladangan kelapa sawit mengusahakan atau membenarkan pengusaha ternakan lain untuk menggunakan sekurang-kurangnya 25% kawasan perladangan sebagai dasar kerajaan	Melaksana kerjasama dan perbincangan dengan agensi berkaitan untuk galakan penggunaan kawasan perladangan sawit dan perladangan lain yang sesuai
Tindakan: MAFI, MPOB, MPIC & DVS	

AKTIVITI 2: MEWUJUDKAN DASAR PENGGUNAAN TANAH UNTUK PENGELUARAN TERNAKAN

Sub-aktiviti 1:	Sub-aktiviti 2:
Mewujudkan dasar penggunaan tanah bagi merizabkan tanah khusus untuk terlibat dalam aktiviti pengeluaran ternakan ruminan seperti Ladang Satelit, TKPR atau TKPM dan rizab-rizab haiwan.	Mengadakan kerjasama dan perbincangan secara berkala dengan Kerajaan Negeri/ Kementerian/ Jabatan/ Agensi yang berkaitan
Tindakan: MAFI, JKPTG NEGERI & DVS	

STRATEGI 11:

PENGUKUHAN PEMASARAN DAGING

Objektif 11 : Untuk memastikan pemasaran daging diperkukuhkan melalui pengukuhan konsep pusat pemasaran daging segar, model pusat lelongan ternakan, pasaran daging bernilai tinggi dan meningkatkan pengeluaran produk hiliran berasaskan daging tempatan.

AKTIVITI 1: MENGUKUHKAN KONSEP PUSAT PEMASARAN DAGING SEGAR

Sub-aktiviti 1:	Sub-aktiviti 2:
Mengadakan kerjasama strategik dengan FAMA bagi pengukuhan pemasaran daging di pasar komuniti dan penglibatan PPK	Mewujudkan pusat sehenti pemasaran daging segar di Rumah Sembelih Kerajaan bagi galakan pemasaran daging tempatan
Tindakan: DVS, MAFI, FAMA, LPP/PPK	

AKTIVITI 2: MENGUKUHKAN MODEL PUSAT LELONGAN TERNAKAN

Sub-aktiviti 1:	Sub-aktiviti 2:
Mengadakan kerjasama strategik dengan Kerajaan Tempatan, Kerajaan Negeri, Pertubuhan dan pengusaha ternakan untuk penyediaan model pusat lelongan ternakan	Menyedia Garispanduan dan SOP Pusat Lelongan Ternakan dengan penglibatan <i>stakeholders</i>
Tindakan: MAFI & DVS	

AKTIVITI 3: MENGUKUHKAN PASARAN DAGING BERNILAI TINGGI

Sub-aktiviti 1:	Sub-aktiviti 2:	Sub-aktiviti 3:
Mengadakan kerjasama strategik bersama penternak/pengusaha daging bernilai tinggi dan agensi berkaitan bagi promosi dan <i>branding</i> produk daging bernilai tinggi serta halatuju pasaran	Mengadakan kerjasama dengan negara luar dan lain-lain agensi bagi penggunaan teknologi penghasilan lembu wagyu dan daging bernilai tinggi	Mengadakan latihan dan lawatan bagi tujuan meningkatkan kemahiran daging premium dari aspek pengurusan dan pemasaran
Tindakan: MAFI & DVS		

AKTIVITI 4: MENINGKATKAN PENGELUARAN PRODUK HILIRAN BERASASKAN DAGING TEMPATAN

Sub-aktiviti 1:	Sub-aktiviti 2:	Sub-aktiviti 3:
Melaksanakan promosi daging tempatan dan produk hiliran berasaskan daging tempatan	Mengadakan kerjasama dengan agensi berkaitan bagi peningkatan penglibatan usahawan mengguna daging tempatan	Mengadakan latihan dan lawatan bagi tujuan meningkatkan kemahiran pengusaha produk hiliran berasaskan daging tempatan
Tindakan: MAFI & DVS		

STRATEGI 12: MEMPERKEMAS DAN MENGUKUHKAN SISTEM RANTAIAN NILAI DAGING

Objektif 12: Untuk memastikan sistem rantai nilai daging diperkukuhkan melalui kawalselia rumah sembelihan ruminan, pelabelan daging, perkhidmatan logistik bersesuaian mengikut aspek kebajikan haiwan

AKTIVITI 1: MENGUKUHKAN KAWALSELIA RUMAH SEMBELIHAN RUMINAN DAN PELABELAN DAGING

Sub-aktiviti 1:	Sub-aktiviti 2:	Sub-aktiviti 3:
Menaiktaraf rumah sembelihan dan meningkatkan kawal selia sembelihan	Mengukuhkan penggunaan pelabelan daging bagi membezakan daging segar dari rumah sembelih dan daging sejuk buku import	Mengukuhkan aktiviti penguatkuasaan terhadap sembelihan tanpa kebenaran dan tanpa pelabelan daging
Tindakan: DVS, MAFI		

AKTIVITI 2: MENGUKUHKAN PERKHIDMATAN LOGISTIK TERNAKAN DAN HASILAN TERNAKAN

Sub-aktiviti 1:	Sub-aktiviti 2:
Mewujudkan pengangkutan ternakan berdasarkan aspek kebajikan haiwan	Meningkatkan perkhidmatan rantai sejukbeku bagi menjamin hasil ternakan yang selamat dan berkualiti
Tindakan: MAFI & DVS	

CABARAN DAN RISIKO PELAKSANAAN PELAN

43. Beberapa cabaran dan risiko perlu diberi perhatian dan diurus dengan cekap dan berkesan bagi memastikan pembangunan industri pedaging dilaksana secara mapan dan berdaya saing. Diantara cabaran tersebut adalah:

- i. Industri yang menguntungkan
Usaha perlu dibuat untuk memastikan peningkatan keuntungan perniagaan di setiap peringkat rantai pengeluaran daging perlu difahami dan faktor – faktor penentu keuntungan. Pengeluaran daging lembu, kerbau, kambing dan bebiri memerlukan tempoh pelaburan yang panjang. Oleh itu pemain industri perlu peka kepada perubahan dan bertindak balas mengikut setiap faktor yang berlaku. Tumpuan boleh diberi kepada memaksimumkan pulangan kepada pemain industri, mengenalpasti keperluan dan melaksana peningkatan kecekapan pengeluaran, dan memastikan pengurusan pengeluaran dilaksana dengan berkesan mengikut perancangan perniagaan dan pematuhan standard.

ii. Industri yang sentiasa berkembang

Usaha perlu dilaksana bagi meningkatkan nilai dan saiz industri. Kerajaan dan pemain industri perlu bekerjasama dalam meningkatkan pengeluaran dan kecekapan di sepanjang rantai nilai. Akses kepada sumber kewangan, tanah, air, teknologi, sumber makanan dan manusia amat penting dalam memastikan industri berkembang.

iii. Mengurus ketidak tentuan pasaran/industri

Bidang ternakan pedaging memerlukan pemain industri sentiasa memberi perhatian kepada ketidaktentuan dan turut naik industri melalui pengawasan pasaran, mempelbagaikan sumber pendapatan, mengguna peluang-peluang pasaran, pematuhan peraturan dan mengatur strategi peningkatan daya tahan perniagaan.

v. Kerjasama penyelidikan dan inovasi

Pemain industri dan penyelidik perlu bekerjasama dalam meningkatkan kecekapan ladang dan perniagaan. Akses kepada pengetahuan dan teknologi baru adalah penting bagi meningkatkan pengeluaran.

vi. Kerjasama pemegang taruh

Semua pemegang taruh di setiap rantai nilai pedaging perlu dibangun dan mengekalkan kerjasama dan hubungan.

44. Beberapa faktor risiko yang boleh memberi kesan kepada pelaksanaan pelan strategik & tindakan adalah seperti berikut:

- i) Polisi dan dasar kerajaan yang berubah di semua peringkat pelaksanaan terutama berkaitan peruntukkan dan penentuan status tanah



- ii) Kekurangan kawasan untuk penternakan secara berterusan boleh memberi impak besar untuk mencapai objektif pelan strategik ini.

- iii) Harga daging sejuk beku import yang rendah tidak memberi kesan positif kepada daging segar tempatan sekiranya segmen pasaran masih sama.



- iv) Tiada kerjasama dan penyelarasan bersama antara kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan agensi terlibat akan memberi kesan jangka panjang.

- v) Kos input yang tinggi dan tempoh pulangan yang panjang ditanggung oleh penternak yang boleh menyebabkan risiko keluar daripada sektor pedaging, dan mengurangkan pengeluaran sekiranya tidak diganti



OUTPUT DAN OUTCOME YANG DIJANGKA

45. Adalah dijangka pelaksanaan pelan strategik ini dapat mencapai sasaran seperti berikut:



Peningkatan
populasi ruminan
pedaging



Purata pendapatan
penternak ditingkatkan
daripada RM1,500 kepada
RM3,500



Pertambahan pengeluaran
daging sehingga 50% SSL
daging lembu/kerbau
(111,00 MT) dan sehingga
30% SSL daging
kambing/bebiri (14,200 MT)

46. Penglibatan semua pihak sama ada pihak kerajaan dan pengusaha adalah perlu bagi memainkan peranan masing-masing untuk mencapai objektif pelan strategik ini.

IMPAK YANG DIJANGKA

47. Menjelang tahun 2025, pengeluaran daging lembu/kerbau dan daging kambing/bebiri tempatan dapat mengurangkan pergantungan kepada daging sejukbeku import dan peningkatan pendapatan penternak ruminan.

RUJUKAN

1. **Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia.** *Perangkaan Ternakan (Livestock Statistics) 2010/2011.* Putrajaya : Jabatan Perkhidmatan Veterinar, 2011.
2. **Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia.** *Malaysia: Perangkaan Ternakan 2019/2020.* Putrajaya : Jabatan Perkhidmatan Veterinar, 2020.
3. **Mahidin, Mohd Uzir.** *Siaran Akhbar Anggaran Penduduk Semasa Malaysia, 2018 - 2019.* Putrajaya : Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019.
4. **Tan Sri Dato' Dr. Ahmad Mustaffa Babjee.** *History, Development and Prospects of the Animal Industry and Veterinary Services in Malaysia.* Kuala Lumpur : Department of Veterinary Services Malaysia, 1994.
5. **Schipp, M.A and Sheridan, A.D.** Applying the OIE Terrestrial Animal Health Code to the welfare of animals exported from Australia. *Rev. sci. tech. Off. int. Epiz.* 2013, Vol. 32 (3), pp. 669-683.
6. **Dr. Ross.** The World's Second Most Efficient Beef Production System. *South East Asia Beef Market Report.* [Dalam talian] 12 August 2014. [Dipetik: 20 September 2018.] <https://seabeefreport.com/2014/08/12/the-worlds-second-most-efficient-beef-production-system/>.

ABBREVIATIONS

1. GLC – *Government Link Company*; Syarikat Berkaitan Kerajaan
2. PKE/PKC- *Palm Kernal Expeller/ Palm Kernel Cake*
3. FELDA - Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
4. RISDA – Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
5. SALCRA - *Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority*
6. SPAD - *Sarawak Plantation Agriculture Development*
7. FELCRA - Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan
8. TKPR/ TKPM – Taman Kekal Pengeluaran Ruminan/ Taman Kekal Pengeluaran Makanan
9. FAMA – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
10. MARDI - Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia
11. IPT/IPTAMPTS – Institusi Pengajian Tinggi/ Institusi Pengajian Tinggi Awam/ Institusi Pengajian Tinggi Swasta
12. MPOB – Lembaga Minyak Sawit Malaysia
13. MOF - Kementerian Kewangan Malaysia
14. MITI - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
15. MPIC - Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
16. LPP- Lembaga Pertubuhan Peladang
17. PPK – Pertubuhan Peladang Kawasan
18. JKPTG - Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
19. IPV – Institut Pengurusan Veterinar
20. ITU – Institut Teknologi Unggas
21. IVWT – Institut Veterinar Wilayah Tengah
22. IVM – Institut Veterinar Malaysia
23. IBVK - Institut Biodiversiti Veterinar Kebangsaan
24. SOP – *Standard Operating Procedure*; Prosedur Operasi Standard

NOTA



NOTA



NOTA



NOTA



NOTA



NOTA



NOTA



NOTA



NOTA



Terbitan Julai 2021

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62630 Putrajaya



www.dvs.gov.my



[@veterinarmalaysia@](https://www.facebook.com/veterinarmalaysia)



[dvsmalaysia](https://twitter.com/dvsmalaysia)



[@dvsmalaysia_official](https://www.instagram.com/dvsmalaysia_official)

